

KONSEP PINJAMAN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

PENDAHULUAN

Islam merupakan agama syumul yang turut memberi perhatian terhadap permasalahan ekonomi ummah khususnya berkaitan kemiskinan dan kekurangan sumber pendapatan. Terdapat pelbagai mekanisme seperti zakat, sedekah, wakaf dan kaedah bantuan pinjaman (Qard al-Hasan) kebajikan dan perbankan Islam.

DEFINISI AL-QARD

~Dari sudut bahasa ialah pinjaman yang baik atau al-qat'u (potong)

~Dari sudut istilah ialah pemilikan sesuatu barang kepada orang lain pada masa tertentu dengan syarat barang tertentu perlu dipulangkan kepada pemiliknya selepas tamat tempoh tanpa sebarang bayaran tambahan.

LARANGAN RIBA'

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا

I Terjemahan: Padahal Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba. (Surah Al-Baqarah:275) Rasulullah melaknat orang yang memakan riba, menjadi agen, mencatat transaksi dan menjadi saksi. Dosa melakukan riba adalah berat di sisi Allah SWT. FATWA PENGHARAMAN RIBA Semua telah bersepakat bahawa setiap penambahan atau faedah ke atas semua bentuk pinjaman adalah riba dan haram.

AL-QARD AL-HASAN DALAM SOSIO-EKONOMI

- | | |
|---|--|
| 1) Skim pembiayaan secara mikro Kredit | 2) Skim pajak gadai Islam atau al-rahnu |
| 3) Skim pinjaman kewangan & pembiayaan untuk menunaikan haji atau umrah | 4) Skim dalam himpunan kontrak dan sukuk |

PINJAMAN AI-QARD

DALIL AL-QARD

مَنْ ذَا الَّذِي يُقْرِضُ اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا فَيُضَاعِفَهُ لَهُ أَضْعَافًا كَثِيرَةً وَاللَّهُ يَقْبِضُ وَيَبْسُطُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ " Siapakah orangnya yang (mahu) memberikan pinjaman kepada Allah sebagai pinjaman yang baik (yang ikhlas) supaya Allah melipatgandakan balasannya dengan berganda-ganda banyaknya? dan (ingatlah), Allah jualah yang menyempit dan yang meluaskan (pemberian rezeki) dan kepadaNya lah kamu semua dikembalikan" (Al-Baqarah:245)

HUKUM AL QARD

Hukum asal bagi pemberi hutang adalah harus namun ianya boleh berubah bergantung kepada keadaan.	1. HARAM : Jika pemberi hutang mengetahui hutang tersebut digunakan untuk tujuan haram seperti membeli barang-barang yang diharamkan atau untuk tujuan yang diharamkan seperti judi.
--	--

PINJAMAN AI-QARD (cont)

- | | |
|--|--|
| 2. MAKRUH : Jika pemberi hutang mengetahui hutang yang diberikan kepada hutang adalah bertujuan untuk perkara yang tidak bermanfaat seperti menunjuk-nunjuk. | 3. WAJIB : Jika pemberi hutang mengetahui penghutang amat memerlukan hutang tersebut bagi tujuan menampung kehidupannya. |
|--|--|

KONSEP PINJAMAN DALAM ISLAM

Al-'ariya merujuk kepada pinjaman melibatkan barangan atau benda yang tidak musnah apabila digunakan boleh dikembalikan dalam keadaan asal. Sekiranya barang tersebut barang yang mudah musnah atau susut nilai maka akad pinjaman tidak sah.	Al-qard merujuk kepada pinjaman yang melibatkan peminjam dikehendaki memulangkan kembali nilai yang sama dan bukan memulangkan wang kertas yang asal.
---	---

RUKUN AL-QARD

- | | |
|--|----------------------------------|
| 1) Pemiutang (orang yang memberi pinjaman) | 2) Penghutang/peminjam |
| 3) Barang yang dipinjam | 4) Sighah (Lafaz ijab dan qabul) |



SYARAT AL-QARD (HUTANG)

- | | |
|--|---|
| - Kadar hutang diketahui nilai, timbangan bilangan- kuran dan tempoh berhutang | - Mestilah dari satu jenis barangan yang tidak bercampur dengan jenis lain |
| - Tiada tambahan bayaran sama ada melebihi tempoh berhutang atau tidak | - Tidak disyaratkan keuntungan oleh penghutang kepada pemberi hutang apabila hutang berjaya dibayar |

PELAKSANAAN AL-QARD AL-HASAN

- | | |
|---|---|
| 1. Membantu golongan yang memerlukan. | 2. Merapatkan jurang perbezaan antara golongan yang kaya. |
| 3. Mengukuhkan sektor sosio ekonomi negara. | 4. Mendapatkan keberkatan dan ganjaran berterusan di dunia dan akhirat. |

KESIMPULAN

Dalam konteks Malaysia kaedah Qard Al-Hasan turut diperkenalkan dalam sistem kewangan Islam melalui beberapa produk dan skim pajak gadai dan sukuk mendorong ke arah pembangunan ekonomi. Sistem ekonomi Islam adalah sistem yang sempurna bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah yang berteraskan akidah, syariah, akhlak dan ilmu untuk menjamin kesejahteraan sosial. Pinjaman atau Al-Qard dalam Islam merupakan satu kontrak yang diasaskan atas dasar bantu-membantu, sukarela dan belas kasihan kepada individu yang memerlukan.



By **SitiAishah00**

Published 18th June, 2020.

Last updated 18th June, 2020.

Page 2 of 2.

Sponsored by **Readable.com**

Measure your website readability!

<https://readable.com>